

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang Akademik 1999/2000

Februari 2000

STU332 – Kerja Sosial Pekerjaan

Masa: [3 jam]

---

Arahan:

1. Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi DUA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.
2. Jawab kesemuanya EMPAT soalan sahaja, iaitu SATU (1) soalan daripada Bahagian A dan mana-mana TIGA (3) soalan daripada Bahagian B. Setiap soalan mempunyai markah yang sama, iaitu 25 markah.

Bahagian A

PILIH SATU SOALAN.

1. Di antara dua syarikat, iaitu syarikat telekomunikasi dan syarikat pembina pangsapuri, yang mana satu lebih berkemungkinan memberi perkhidmatan kerja sosial pekerjaan kepada pekerja-pekerjanya. Jelaskan hujah anda.  

(25 markah)
2. Di antara negeri P.Pinang dan negeri Kedah, yang mana satu lebih berkemungkinan mewujudkan kerja sosial pekerjaan. Jelaskan hujah anda.  

(25 markah)

.../2-

Bahagian B

PILIH TIGA SOALAN.

3. Bahagian personnel memberi data tentang seorang pekerja yang mendakwa sakit selama 10 hari dengan menunjukkan surat keterangan sakit dari pada empat klinik perubatan. Sebagai seorang pekerja sosial pekerjaan di syarikat berkenaan, jelaskan langkah-langkah yang akan anda lakukan dalam menghadapi kes ini.

(25 markah)

4. Suatu syarikat mengalami kadar berhenti kerja yang tinggi di antara pekerjanya. Jelaskan langkah-langkah yang akan anda lakukan dalam menghadapi situasi semacam ini di syarikat tempat anda bekerja tersebut.

(25 markah)

5. Seorang pengurus kanan syarikat tempat anda bekerja ingin meminjam fail seorang pekerja yang menjadi klien anda. Jelaskan tindakan yang akan anda lakukan dalam menghadapi permintaan ini.

(25 markah)

6. Seorang pekerja menunjukkan prestasi (performance) kerja yang menurun kebelakangan ini. Bahagian personnel sudah pun memberi amaran untuk membuang kerja. Jelaskan langkah-langkah yang akan anda lakukan sebagai staf Pengurusan Sumber Manusia di syarikat berkenaan.

(25 markah)

7. Jelaskan faktor-faktor yang mungkin menyokong dan menghalang pertumbuhan kerja sosial pekerjaan di Malaysia.

(25 markah)

8. Setelah pelbagai usaha pembaikan gagal, seorang pekerja terpaksa akan dibuang kerja. Sebagai staf Pengurusan Sumber Manusia, jelaskan langkah-langkah yang akan anda lakukan dalam menghadapi kes ini.

(25 markah)